

Untuk Siaran Segera

LHDNM/2019/07/24 - 32

### **AWAS TAKTIK PENIPUAN MENGUGUT ORANG RAMAI MENGGUNAKAN NAMA LHDNM DAN PIHAK BERKUASA**

Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia (LHDNM) telah mengesan beberapa sindiket penipuan yang bergerak dengan modus operandi berbeza mengugut orang ramai dengan menggunakan nama LHDNM.

#### **SINDIKET PENIPUAN YANG BERJAYA DIKESAN:**

1. Sindiket menggunakan resit rasmi pembayaran cukai pendapatan LHDNM yang dipalsukan:
  - Modus operandi sindiket penipuan tersebut menggunakan aplikasi *whatsapp* memaparkan mesej berupa ugutan yang mengarahkan orang ramai untuk memindahkan sejumlah wang ke akaun bukan milik LHDNM dan akan dikenakan tindakan mahkamah sekiranya tidak mematuhi arahan yang diberikan. Contoh sebahagian komunikasi sindiket tersebut adalah seperti berikut:

RESIT RASMI

NO. SIRI:  
JENIS RESIT: CUKAI PENDAPATAN

LEMBAGA HASIL DALAM NEGERI MALAYSIA


NO. RESIT : 22 - 20073046579  
TARIKH RESIT : 09/07/2019  
TARIKH TERIMA : 09/07/2019

DITERIMA DARIPADA :

NO. PENGENALAN  
NO. RUJUKAN  
JUMLAH : RM 3552.60  
CARA BAYARAN : TUNAI  
NO. INSTRUMEN : -  
BULAN / ANSURAN : 99  
TAHUN : 2019

NO. KELULUSAN:KK/BPKS/10/600-2/1/2(13) TERIMA KASIH KERANA MENYUMBANG UNTUK PEMBANGUNAN NEGARA  
KETUA PENGARAH-HASIL DALAM NEGERI  
TELEFON KUALA LUMPUR : 03-62091000 KUALA BINGU : 03-24321 KOTA KINABALLU : 086-326400

INI ADALAH CETAKAN KOMPUTER DAN TANDATANGAN TIDAK DIPERLUKAN



2. Sindiket menggunakan panggilan telefon kepada orang ramai:

- Modus operandi sindiket menggunakan panggilan telefon dengan menyamar sebagai pegawai LHDNM. Penyamar tersebut akan memaklumkan mangsa mempunyai kes jenayah seperti dadah atau pengubahan wang haram dan kemudiannya panggilan tersebut akan disambungkan dengan talian palsu pihak berkuasa seperti Polis Diraja Malaysia (PDRM) untuk memperdaya mangsa.

Sebagai makluman, LHDNM **tidak** menggunakan aplikasi *whatsapp* sebagai medium komunikasi rasmi dengan pembayar cukai dan juga panggilan telefon dengan menggunakan nama agensi awam tertentu selain dari LHDNM. Sebarang urusan berkaitan pematuhan cukai hanya dilakukan menerusi **kaedah panggilan telefon, surat rasmi dan e-mel rasmi daripada Hasil Care Line, Jabatan dan Cawangan LHDNM.**

Sehubungan itu, LHDNM menasihatkan orang ramai terutamanya pembayar cukai agar lebih berwaspada dengan taktik sindiket ini dan segera membuat laporan polis sekiranya telah terpedaya. Orang ramai tidak perlu panik apabila menerima panggilan atau mesej sedemikian, sebaliknya sebarang surat, e-mel, mesej ataupun panggilan telefon yang meragukan berkaitan LHDNM hendaklah disahkan terlebih dahulu dengan menghubungi Hasil Care Line di talian 1-800-88-5436 atau *Customer Care Officer (CCO)* di setiap cawangan



LHDNM. Senarai CCO LHDNM boleh diakses melalui portal rasmi LHDNM di [www.hasil.gov.my](http://www.hasil.gov.my) > Hubungi Kami > Pegawai Perhubungan Awam.

# # #

**SEKIAN, TERIMA KASIH**



---

**Dikeluarkan Oleh:**

**Bahagian Komunikasi | Pejabat Ketua Pegawai Eksekutif  
Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia**

☎: 03-8313 8888 samb. 21658 / 21674 / 21695 | 📠: 03-8313 7873

Hasil Careline : 1-800-88-5436 (LHDN)

Portal Rasmi : [www.hasil.gov.my](http://www.hasil.gov.my)

**Tarikh: 24 Julai 2019**

